

# BENKEL PEMASANGAN, PENDAWAIAN DAN PENYENGGARAAN LITAR ELEKTRIK

**COMFORI SDN BHD**

## Objektif:

- Pengetahuan tentang Elektrik Asas
- Mengenalpasti sistem pendawaian di Malaysia.
- Memahami cara-cara pendawaian domestik
- Merekabentuk pelan elektrik 1 fasa dan 3 fasa.
- Memahami kaedah pemasangan litar 1 fasa dan 3 fasa.
- Memahami kaedah sistem pembumian dan perlindungan
- Memahami standard dan peraturan litar elektrik.
- Pemeriksaan dan pengujian litar.

## Pengenalan:

Kursus dua hari ini bertujuan untuk memberi pengenalan dan penjelasan mengenai prinsip reka bentuk pemasangan dan pendawaian elektrik yang digunakan oleh industri, komersil dan pengguna tempatan. Kursus ini membincangkan secara terperinci mengenai Litar AC dan DC, serta pendedahan mengenai rekabentuk sesuatu pelan elektrik satu fasa dan tiga fasa. Peserta juga akan menimba ilmu di dalam mempelajari sistem pendawaian domestik dan pendawaian industri yang terdapat di Malaysia, jenis kabel dan alatan lengkap serta peranti perlindungan pendawaian. Seterusnya, mereka mempraktikkan pelbagai kerja pendawaian. Penjagaan keselamatan sentiasa diamalkan dengan mengambil kira sistem pembumian dan perlindungan. Kursus ini juga akan memberikan fokus kepada tenaga elektrik, standard-standard dan peraturan-peraturan pemasangan elektrik.

## Modul:

**Modul 1: Pengenalan**

**Modul 2: Rekabentuk Pelan Elektrik Satu Fasa dan Tiga Fasa (Design for Single Phase and Three Phase Diagram)**

**Modul 3: Sistem Pendawaian**

**Modul 4: Pemasangan Litar dan Sistem**

**Modul 5: Pembumian dan Perlindungan (Earthing and Protection System)**

**Modul 6: Pemeriksaan dan Pengujian Litar (Inspection and Testing Circuit)**

**Modul 7: Litar Penghidup Motor Industri**